

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1Jld 2(9)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 09 TAHUN 2015**

Tarikh : 30 September 2015 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi hingga 11.40 pagi
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2,
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan
Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 5. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 6. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 7. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 8. | Encik Loka Ng Sai Kai | - | " |
| 9. | Encik Michael Noel Jalleh | - | " |
| 10. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 11. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |

- | | | | |
|-----|--|---|---|
| 12. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 13. | Ir. Izham bin Hashim | - | " |
| 14. | Encik Wan Hock Leong | - | " |
| 15. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 16. | Puan Norzaihan binti Ismail | - | " |
| 17. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | " |
| 18. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 19. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo | - | " |
| 20. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 21. | Encik Tan Pang Yeow | - | " |
| 22. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |
| 23. | Puan Kavitha a/p Chandragesan | - | " |
| 24. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Jaber bin Ami | - | Ahli Majlis |
|----|---------------------|---|-------------|

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Mohd Basar
Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
3. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
4. Encik Mohd Fadzil bin Mahat
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
5. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
6. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
7. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Kesihatan
10. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
11. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Pengarah, Jabatan Pelesenan
12. Encik Fadzli bin Zubi
Pengarah, Jabatan OSC
13. Puan Aida binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta

14. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
15. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
16. Puan Satinah binti Safirol
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB
17. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Landskap
18. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
19. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
20. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
21. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
22. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
23. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
24. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
25. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
26. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
27. Encik Mohd Razif bin Abdul Rahman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan

28. Encik Rostam bin Salleh
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
29. Puan Rohana binti Ramli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
30. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
31. Encik Saipudin bin Sulaiman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
32. Encik Samsudin bin Ayob
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
33. Cik Helda Syima binti Abu Talab
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
34. Encik Alias bin Miskon
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan
35. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
36. Encik Nazri Faiz bin Zainal
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
37. Puan Jaswani Nazmi binti Jamaluddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
38. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
39. Puan Asmidar binti Shaarin
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
40. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
41. Encik Mohd Saidi bin Alang
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

42. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
43. Puan Nadia binti Abu Baharin
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
44. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
45. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
46. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
47. Puan Azian binti Ropie
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
48. Puan Marhaini binti Mohd Sukaime
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
49. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
50. Puan Mimi Zareena binti Md Nor
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
51. Dr. Muhammad Khairin bin Zamauri
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
52. Encik Nordin bin Harun
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
53. Puan Mazlina binti Mustafa
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
54. Encik Ramzi bin Mohamed Lazim
Penolong Pengarah, Bahagian Landskap
55. Cik Nadia binti Muhamad Amin
Penolong Pengarah, Bahagian Landskap

56. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
57. Puan Zaiyanazareht binti Zaini
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
58. Encik Muhammad Iskandar Z bin Azmi
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
59. Encik Aidil Ifni bin Supar
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
60. Encik Mohd Fikri bin Misro
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
61. Encik Muhammad Iman bin Shafie Pati
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
62. Puan Noor Baizura binti Bakhtiar
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
63. Encik Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan

URUSETIA

1. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Faizah binti Mazenan
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 UCAPAN Pengerusi

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 09/2015 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

2.1 AUDIT SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISO/IEC 27001:2013) MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

MPSJ telah menerima kunjungan pasukan **Audit Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISO/IEC 27001:2013)** daripada pihak SIRIM QAS International Berhad pada **29 - 30 September 2015 (Selasa & Rabu)** untuk melihat pelaksanaan dan menilai sistem pengurusan keselamatan ICT yang merangkumi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi operasi Pusat Data Jabatan Teknologi Maklumat MPSJ meliputi sistem OCPS, IRMS dan IFMS.

Tujuan pengauditan ini adalah bagi memastikan pengurusan keselamatan ICT MPSJ dari segi pengurusan data dan sistem maklumat adalah selaras dengan standard antarabangsa MS ISO/IEC 27001:2013 serta bagi melayakkan MPSJ untuk mendapatkan Pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISO/IEC 27001:2013).

2.2 HARI KELUARGA MPSJ 2015

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan kerjasama Kelab Sukan Dan Kebajikan MPSJ akan menganjurkan program **Hari Keluarga MPSJ Tahun 2015** pada **03 Oktober 2015 (Sabtu)**, jam 8.00 pagi – 5.00 petang **bertempat di Surf Beach, Sunway Lagoon.**

Program ini merupakan salah satu aktiviti rasmi MPSJ bagi mengeratkan silaturrahim dan hubungan kekeluargaan di antara semua warga kerja MPSJ, pihak Pengurusan MPSJ dan Ahli Majlis bersama ahli keluarga.

Adalah menjadi harapan setiap warga MPSJ agar program Hari Keluarga MPSJ ini berjalan dengan lancar dan berjaya mencapai objektifnya.

2.3 PROGRAM KARNIVAL KEBUDAYAAN DAN KESENIAN ORANG ASLI 2015

Karnival Kebudayaan dan Kesenian Orang Asli 2015 ini adalah kali kedua dianjurkan oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Unit Perancang Ekonomi Selangor (UPEN), Tourism Malaysia dan beberapa agensi lain seperti Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS), TAWAS dan sebagainya.

Karnival ini akan diadakan pada **04 Oktober 2015 (Ahad)**, bermula pada pukul **10.00 pagi hingga 7.00 petang** bertempat di **Padang Perkampungan Orang Asli, Sungai Rasau, Puchong, Selangor Darul Ehsan.**

Pelbagai aktiviti disediakan bagi memeriahkan Karnival Kebudayaan dan Kesenian Orang Asli 2015 ini dan diantaranya ialah Pameran Kraftangan dan Demo Masakan, Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB), Pameran dan Pemeriksaan Kesihatan Percuma oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Turut diadakan ialah pertandingan menyumpit,

pertandingan mewarna, pakaian beragam tradisional orang asli, sukaneka dan persembahan kebudayaan serta program jalinan kasih.

Program ini turut dihadiri oleh tetamu jemputan VVIP iaitu **Y.B. Tuan Amirudin bin Shari**, Exco Pembangunan Generasi Muda & Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan dan **Tuan Haji Hasnan bin Hassan**, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia.

2.4 FORUM PERDANA MPSJ 2015

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan program **Forum Perdana MPSJ 2015** pada **17 Oktober 2015 (Sabtu), jam 8.45 malam – 10.30 malam bertempat di Stadium Tertutup MPSJ, Serdang Jaya.**

Program ini akan dihadiri oleh penceramah Ustaz Haslin bin Baharim (Ustaz Bollywood).

2.5 LAPORAN DEMAM DENGGI

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga **Minggu Epid 38** (iaitu sehingga **26 September 2015**) adalah sebanyak **8776 kes denggi** telah dilaporkan di kawasan MPSJ.

Sehubungan itu, dalam memerangi kes denggi ini adalah menjadi harapan pihak Majlis agar penduduk perlu memastikan kawasan premis masing-masing bebas dari tempat-tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan **Kempen 10 Minit** dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

2.6 PEMASANGAN STESEN KENDERAAN ELEKTRIK DI KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Adalah dimaklumkan bahawa pihak Greentech Malaysia telah menawarkan pemasangan stesen kenderaan elektrik (EV Charge) secara percuma kepada MPSJ dari segi:-

- Unit pengecas EV (7kW atau 22kW, bergantung kepada lokasi dan pendawaian yang sedia ada di lokasi);
- Pemasangan dengan kerja-kerja pendawaian sehingga 10m dari kotak agihan (tidak termasuk hacking & jubin);
- Lukisan lantai dan papan tanda EV Charge;
- Penyelenggaraan teknikal dan khidmat nasihat;
- Promosi melalui laman web, media sosial dan aktiviti penglibatan awam.

Sehubungan dengan itu pihak MPSJ telah menyediakan keperluan seperti berikut:-

- Kawasan Lapang atau kosong bagi stesen pengecas EV dan penggunaan elektrik pada tempat tersebut;
- Tempat letak kereta terlindung (sheltered) dengan jarak penglihatan yang baik, ideal serta berhampiran dengan distribution box;
- Kawasan sekitar stesen yang strategik dan baik;
- Akses keluar dan masuk yang baik;
- 1-phase/ 3-phase sambungan (ditentukan setelah pemeriksaan tapak);
- Kos bagi menaik taraf bekalan kuasa dari TNB dan penambahan kerja-kerja pendawaian lebih daripada 10m perlu ditanggung oleh pemilik bangunan tersebut;
- Memastikan keselamatan dan kebersihan stesen pengecas berada dalam keadaan baik.

Setelah perbincangan bersama dengan pihak Jabatan Kejuruteraan dan pihak Greentech Malaysia, beberapa lokasi telah dikenalpasti bagi pemasangan stesen kenderaan elektrik. Lokasi pertama terletak di parkir pelawat Bangunan Ibupejabat MPSJ dan lokasi kedua terletak di parkir Kompleks 3C MPSJ.

2.7 KEMPEN “FLAT RATE” MPSJ

Kempen “Flat Rate” merupakan satu kempen di mana Orang Kena Kompaun (O.K.K) boleh membuat penyelesaian di luar mahkamah dengan penawaran kadar yang lebih rendah iaitu mengikut kadar promosi. Kempen “Flat Rate” ini terbuka kepada semua jenis kesalahan di bawah kod kesalahan di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kereta) MPSJ 2007 kecuali kesalahan dibawah Seksyen 2, Larangan Kenderaan Berat (LKB) 10 Tan.

Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 09/2015 yang bertarikh 15 September 2015, pihak Majlis telah bersetuju untuk melaksanakan kempen ini. Kempen ini akan berlangsung selama tiga (3) bulan bermula **01 Oktober 2015 sehingga 31 Disember 2015**. Kadar yang ditetapkan bagi pelaksanaan kempen ini adalah **Sepuluh Ringgit Malaysia (RM 10.00)** bagi semua jenis kod kesalahan.

Berdasarkan semakan pihak Majlis, terdapat sebanyak **Satu Juta Enam Puluh Ribu Dan Sembilan Ratus Enam Puluh Sembilan (1,060,969) Notis Kompaun** telah dikeluarkan oleh Majlis dari tempoh 01 Januari 2010 sehingga 31 Ogos 2015. Daripada jumlah tersebut sebanyak **Tujuh Ratus Tiga Puluh Empat Ribu Dan Lapan Ratus Lapan Puluh Satu (734,881) Notis Kompaun** yang berjumlah **RM 61,161,245.00 (Enam Puluh Satu Juta Satu Ratus Enam Puluh Satu Ribu Dua Ratus Empat Puluh Lima Ringgit)** iaitu **69%** daripada jumlah notis kompaun yang dikeluarkan, masih lagi tidak dijelaskan dan tertunggak.

Seterusnya, Unit Waran Tangkap Jabatan Undang-Undang MPSJ juga akan melaksanakan **Ops Waran Tangkap** dari premis ke premis Orang Kena Saman (O.K.S) selepas tamat tempoh kempen ini bagi mengesan pesalah tegar yang gagal untuk membuat pembayaran saman tertunggak sepanjang kempen ini diadakan.

Majlis berharap, melalui kempen “Flat Rate” ini, objektif Majlis untuk menggalakkan Orang Kena Kompaun (O.K.K) bagi menyelesaikan kompaun mereka dan mengurangkan kadar tunggakan notis kompaun Majlis akan dapat dicapai .

3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 08/2015 BERTARIKH 26 OGOS 2015.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 08/2015 bertarikh 26 Ogos 2015 telah disahkan tanpa pindaan.

4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

4.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 17/2015 Bertarikh 02 September 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

4.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 18/2015 Bertarikh 15 September 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.7 m.s 45	Encik Pooi Weng Keong	Kingsley Hills Sdn. Bhd.	Beliau memohon pihak Majlis mengkaji semula syarat-syarat kelulusan

			<p>permohonan pindaan kebenaran merancang bagi cadangan pembangunan di Putra Heights, Subang Jaya oleh syarikat pemaju Kingsley Hills Sdn. Bhd.</p> <p>Beliau turut meminta pihak Majlis untuk mengadakan satu mesyuarat bagi membincangkan mengenai isu-isu berbangkit berhubung kawasan pembangunan tersebut.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Timbalan Pengarah Perancang Bandar memaklumkan bahawa pihak Majlis akan mengadakan satu mesyuarat bagi membincangkan mengenai isu-isu berbangkit berkenaan kawasan pembangunan ini.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Perancang Bandar untuk membuat penetapan tarikh mesyuarat pada awal bulan Oktober 2015 bagi membincangkan</p>
--	--	--	---

				berkenaan perkara ini dengan lebih lanjut.
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

4.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 09/2015 Bertarikh 08 September 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.2 m.s 3	Puan Norzaihan binti Ismail	Perobohan Kilang-Kilang Tanpa Lesen Di Kampung Sri Aman	Beliau memohon pihak Majlis untuk mengaturkan satu lawatan tapak bersama Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor bagi menangani isu-isu berbangkit berhubung perkara ini. <u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Perancang Bandar untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.

2	para 4.1 m.s 9	Encik Tai Cheng Heng	Laporan Bahagian Landskap	<p>Beliau mencadangkan supaya pihak Majlis membuat perancangan yang lebih komprehensif dalam aspek penjagaan dan pengurusan pokok-pokok di kawasan MPSJ.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Bahagian Landskap untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.</p> <p>Sehubungan dengan itu, satu perbincangan khusus berhubung perkara ini akan diadakan bersama Bahagian Landskap bagi membuat penilaian ke atas teknik penjagaan pokok dan aspek pengurusan pokok yang lebih sistematik di kawasan MPSJ.</p> <p>Selain itu, Dato' Yang Dipertua turut meminta Bahagian Landskap untuk membuat pengumpulan data dan inventori bagi jenis-jenis pokok</p>
---	-------------------	-------------------------	---------------------------------	--

				yang ditanam di kawasan pentadbiran MPSJ untuk direkodkan.
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

4.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 07/2015 Bertarikh 09 September 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 2.1.3 m.s 2	Encik Wan Hock Leong	Tindakan Ke Atas Aduan Halangan Lalulintas	Beliau mencadangkan supaya pihak Majlis meneruskan usaha-usaha untuk mengambil tindakan ke atas aduan halangan lalulintas yang melibatkan kes halangan kon, tayar buruk dan lain-lain bentuk halangan yang diletakkan di kawasan parkir kenderaan premis perniagaan tanpa kebenaran dan tiada kelulusan daripada pihak Majlis.

				<p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Penguatkuasaan untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.</p>
2	Hal-Hal Lain	Dr. Mahendran a/l V Markandoo	Isu Korekan Jalan	<p>Beliau mengesyorkan agar pihak Majlis menguatkuasakan peraturan sedia ada terhadap pihak syarikat utiliti yang menjalankan kerja-kerja korekan jalan memandangkan terdapat banyak aduan diterima mengenai kerosakan jalan yang boleh membahayakan pengguna jalanraya.</p> <p>Sehubungan dengan itu, beliau meminta agar kawalan pemantauan terhadap kerja-kerja korekan dan tampalan semula jalan perlu dilaksanakan dengan lebih menyeluruh dalam memastikan hasil tampalan selepas kerja-kerja korekan jalan adalah menepati spesifikasi</p>

				<p>yang ditetapkan dan mempunyai jaminan ketahanan bagi suatu tempoh yang lama.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Kejuruteraan mengkaji kaedah yang terbaik dan melihat semula SOP untuk pelaksanaan dan pemantauan terhadap kerja-kerja korekan dan tampalan semula jalan oleh syarikat-syarikat utiliti yang terlibat.</p> <p>Pihak Jabatan turut diminta untuk mengkaji semula kadar deposit dan denda yang dikenakan terhadap syarikat utiliti yang gagal menjalankan kerja-kerja korekan dan tampalan semula jalan dengan sempurna.</p>
--	--	--	--	--

Tindakan : Bahagian Audit Dalam

4.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 09/2015 Bertarikh 10 September 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	Hal-Hal Lain	Dr. Mahendran a/l V Markandoo	Isu Iklan Haram Di Kawasan MPSJ	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mencari kaedah dan mekanisme yang lebih berkesan bagi menangani isu iklan-iklan haram yang masih berlarutan di kawasan pentadbiran MPSJ.</p> <p>Beliau mencadangkan supaya tindakan lebih tegas diambil terhadap pihak yang terlibat dalam penampalan iklan-iklan haram ini.</p> <p>Beliau turut mencadangkan agar satu mesyuarat teknikal diadakan bagi mengenalpasti langkah-langkah pencegahan yang lebih serius serta mencari alternatif yang lebih berkesan untuk membendung perkara ini daripada terus berleluasa.</p>

				<p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan-Jabatan yang berkaitan untuk memperhalusi perkara ini bagi mencari kaedah yang lebih berkesan untuk membanteras isu-isu berkaitan iklan haram ini.</p> <p>Dato' Yang Dipertua turut memaklumkan bahawa pihak Majlis sedang dalam peringkat untuk mempertingkatkan usaha-usaha dalam memastikan keberkesanan penguatkuasaan ke atas isu-isu yang berkaitan dengan iklan-iklan haram ini.</p> <p>Sehubungan dengan itu, pihak Majlis akan mengadakan mesyuarat penyelarasan berhubung operasi iklan haram ini bagi mencari mekanisme yang lebih berkesan dalam menangani isu ini termasuk cadangan pelaksanaan projek cat anti sticker.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

4.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 09/2015 Bertarikh 11 September 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 7.3.14 m.s 17	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Kuil Tanpa Izin Di Sun Garden (Jalan BS 3/11) dan Di Puchong Permata 3	<p>Beliau memohon penjelasan berhubung dasar dan garis panduan yang digunapakai oleh pihak Majlis mengenai pembinaan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI).</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa dasar dan garis panduan pembinaan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) berpandukan kepada Manual Garis Panduan Dan Piawaian Perancangan Tempatan Negeri Selangor 2010 (Edisi Kedua).</p> <p>Sehubungan dengan itu, Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Perancang Bandar untuk mengedarkan maklumat berkaitan Manual Garis Panduan Dan</p>

				<p>Piawaian Perancangan Tempatan Negeri Selangor 2010 (Edisi Kedua) kepada Ahli Majlis MPSJ untuk dijadikan rujukan.</p> <p>Sebagai lanjutan kepada isu yang berkaitan, Dato' Yang Dipertua turut meminta supaya Jabatan Perancang Bandar untuk membuat tindakan segera bagi pemeriksaan di tapak dan menyediakan laporan berkaitan aduan berhubung binaan kuil tanpa izin di Sun Garden (Jalan BS 3/11) dan di Puchong Permata 3, Puchong.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

4.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 09/2015 Bertarikh 15 September 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

4.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 09/2015 Bertarikh 21 September 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pelesenan

4.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 06/2015 Bertarikh 22 September 2015

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

**5.0 KERTAS MESYUARAT CADANGAN PELANTIKAN AHLI MAJLIS DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA DAN PENYUSUNAN AHLI MAJLIS SEBAGAI Pengerusi JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP) MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BAGI PENGGAL 2014 – 2015
(Kertas Mesyuarat Bil. 09/09/2015)**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** Kertas Mesyuarat Cadangan Pelantikan Ahli Majlis Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Dan Penyusunan Ahli Majlis Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penduduk (JKP) Majlis Perbandaran Subang Jaya Bagi Penggal 2014 – 2015.

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah menerima pelantikan Ahli Majlis baharu iaitu Encik M. Anbarasan a/l Murugesu menerusi surat watakah pelantikan yang bertarikh 15 September 2015 daripada pihak Kerajaan Negeri Selangor. Pelantikan ini berkuatkuasa bagi tempoh 31 Ogos 2015 sehingga 31 Disember 2015.

Senarai Keahlian Ahli Majlis Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Perbandaran Subang Jaya bagi penggal 2014 – 2015 adalah seperti di lampiran 1.

Senarai Penyusunan Ahli Majlis Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penduduk (JKP) Majlis Perbandaran Subang Jaya bagi penggal 2014 – 2015 adalah seperti di lampiran 2.

Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

6.0 KERTAS MESYUARAT CADANGAN PENGGUNAAN LEBIHAN PERUNTUKAN KERJA SEGERA (INDEN) JKP MPSJ 2015 (Kertas Mesyuarat Bil. 10/09/2015)

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** Kertas Mesyuarat Cadangan Penggunaan Lebihan Peruntukan Kerja Segera (Inden) JKP MPSJ 2015.

Mesyuarat turut memperakukan cadangan yang dikemukakan oleh pihak Jabatan seperti berikut;

- i. Lebihan peruntukan Kerja Segera (Inden) JKP boleh digunakan untuk Kerja Segera (Inden) oleh mana-mana JKP MPSJ yang memerlukan tanpa mendapat kebenaran daripada JKP yang berkenaan;
- ii. Tarikh akhir penghantaran permohonan daripada JKP yang ingin menggunakan lebihan peruntukan Kerja Segera (Inden) adalah sebelum atau pada 30 September 2015 bagi mengelakkan kelewatan proses pembayaran;
- iii. Permohonan daripada JKP juga adalah berdasarkan penghantaran permohonan terawal ("first come first serve") iaitu bermula pada 01 Oktober 2015 sehingga 15 Oktober 2015 sahaja;
- iv. Segala permohonan Kerja Segera (Inden) JKP MPSJ yang menggunakan lebihan peruntukan ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Teknikal Kerja Segera (Inden) JKP MPSJ.

Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

7.1 YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.40 pagi.

'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'

Disediakan oleh;

.....
(ABDULLAH BIN MARJUNID), S.I.S., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN), D.P.M.S., S.M.S.
Pengerusi Mesyuarat
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA